

01 SEP 2002

Polis-Tioman

PDRM TUBUH PANGKALAN MARIN PULAU TIOMAN TANGANI PENYELUDUPAN

PULAU TIOMAN, 1 Sept (Bernama) -- Polis DiRaja Malaysia (PDRM) akan mewujudkan sebuah pangkalan tetap marin di sini tidak lama lagi selaras dengan pengisytiharan pulau ini sebagai pulau bebas cukai berkuatkuasa hari ini.

Ketua Jabatan Ketenteraman Awam dan Trafik Pahang Supt Baharuddin Sarbaini berkata pangkalan itu bertujuan memberi kawalan lebih baik dalam menjaga keselamatan di persekitaran pulau untuk membanteras aktiviti penyeludupan.

"Secara umumnya, kita telah mengenal pasti lokasi untuk pangkalan tetap itu di pulau ini dan buat sementara waktu, sebuah bot marin akan ditugaskan berkawal di perairan pulau," katanya kepada pemberita selepas meninjau kawasan perairan itu dengan bot peronda PZ10 di sini, hari ini.

Baharuddin berkata pangkalan tetap itu kelak akan mempunyai jeti bot marin dan pejabat polis marin yang diletakkan di bawah perintah dan pemantauan Polis Marin Timur berpangkalan di Kemaman, Terengganu.

"Pangkalan di pulau itu penting supaya polis dapat memberikan respon dengan lebih cepat terhadap segala aktiviti penyeludupan barangan," katanya.

Pulau Tioman, dengan keluasan 13,360 hektar terletak 36 batu nautika dari Tanjung Gemok, Rompin, diumumkan sebagai pulau bebas cukai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Januari lepas.

Pelaksanaan Pulau Tioman sebagai pulau bebas cukai berkuatkuasa hari ini selepas lima akta berkaitan iaitu Akta Kastam, Akta Cukai Perkhidmatan, Akta Cukai Jualan, Akta Eksais dan Akta Zon Bebas diwartakan di Parlimen baru-baru ini.

-- BERNAMA

ZAM MS NAK